# DIROGOL PENDAKWAH DAN PRESIDEN NGO ISLAM

*BILA NAFSU SUDAH MERAJA.Sejak akhir-akhir ini kita dilambakkan dengan gejala "harapkan pegar, pegar makan padi"….*

*Posted by [Warga Prihatin] on [Khamis, 26 Julai 2018]*

---

# BILA PERBUATAN BAIK BERCAMPUR ADUK DENGAN KEMUNGKARAN

*BILA PERBUATAN BAIK BERCAMPUR ADUK DENGAN KEMUNGKARAN.Baru-baru ini kecoh bila PU Amin tuliskan kekecewaannya terhadap…*

*Posted by [Warga Prihatin] on [Jumaat, 27 Julai 2018]*

---

# JENAYAH SEKSUAL PEMANDU BAS SEKOLAH

*SELAMATKAN ANAK KITA DARI JENAYAH SEKSUAL BAS SEKOLAH – SIASAT DAN TELITI LATARBELAKANG PEMANDU BAS/VAN SEKOLAH…*

*Posted by Warga Prihatin on Sabtu, 28 Julai 2018*

---

# WAJARKAH NAIKKAN HAD USIA NIKAH

*MENAIKKAN HAD USIA NIKAH – FAHAMI DAHULU HAKIKAT JAHILIYAH, SUNNAH JANGAN DIFITNAH. HUKUM ALLAH JANGAN DIUBAH….*

*Posted by Warga Prihatin on Selasa, 31 Julai 2018*

---

# BAPA TIRI ROGOL ANAK PEREMPUAN 8 TAHUN

*MURID TAHUN 2 DIROGOL & DILIWAT AYAH TIRI.Di RPWP, kami paling curiga apabila anak yatim terbiar yang kami jaga sekian…*

*Posted by Warga Prihatin on Rabu, 1 Ogos 2018*

---

# GEJALA MAKSIAT GADIS BAWAH UMUR BERLELUASA

*GEJALA MAKSIAT GADIS BAWAH UMUR BERLELUASA- HOTEL BAJET MERAIH UNTUNG DAN BERSUBAHAT- SELANGOR PULA NAIKKAN HAD USIA…*

*Posted by Warga Prihatin on Khamis, 2 Ogos 2018*

---

# GURU QURAN CABUL MURID

*DIRABA KETIKA BELAJAR AL-QURAN.Sejak akhir-akhir ini banyak berita pencabulan guru terhadap pelajar dilaporkan. Kami…*

*Posted by Warga Prihatin on Selasa, 24 Julai 2018*

---

# APA ADA DALAM MINDA KITA MELIHAT FOTO & MEMBACA BERITA INI?

---

# Sedih memerhatikan suasana ‘pesta’ Tahun Baru.

---

# 7 DARI 38 PEROGOL DIJATUH HUKUM, APA CERITA YANG LAIN




# Balasan buat perogol

TUJUH lelaki termasuk seorang remaja berusia 17 tahun dipenjara antara 18 hingga 22 tahun dan dikenakan enam hingga 16 sebatan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu selepas didapati bersalah terhadap tuduhan merogol dua gadis berusia 17 dan 15 tahun secara beramai-ramai di Ketereh, Kota Bharu, tiga tahun lalu.




Hakim Adli Ab Ghalib membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Muhmed Azroel Hassan, 26, Mohamad Faiz Azahan, 24, dan Che Azuan Che Hassan, 32, masing-masing dipenjara 22 tahun dan 16 sebatan manakala dua lagi tertuduh, Eris Che Azmi, 21, Che Muhamad Farhan Isyrif Che Mat, 21, masing-masing dipenjara 22 tahun dan lapan sebatan.

Dua lagi tertuduh Muhamad Adib Che Harun, 20, dan seorang remaja bawah umur berusia 17 tahun masing-masing dipenjara 18 tahun dan enam sebatan.

Mengikut pertuduhan, enam tertuduh didakwa merogol dua mangsa yang ketika itu berusia 17 dan 15 tahun dengan kehadiran orang lain di sebuah rumah kosong di Kampung Hutan Pasir, Ketereh, antara 7.30 dan 11 malam, 20 Mei 2014.

Muhmed Azroel, Mohamad Faiz dan Che Azuan didakwa merogol kedua-dua mangsa manakala Eris, Che Muhamad Farhan Isyrif dan remaja bawah umur itu didakwa merogol mangsa yang berusia 17 tahun.

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(2)(c) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan boleh dikenakan sebat, jika sabit kesalahan.




Sementara itu, Muhamad Adib didakwa merogol mangsa sama berusia 15 tahun di satu lagi lokasi lain di sebuah rumah tidak bernombor di kampung sama antara 2 hingga 3.30 pagi, 21 Mei 2014.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 376(1) kanun sama yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan hendaklah dikenakan sebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Alias manakala semua tertuduh diwakili peguam Zuhaidie Akmal Hasan Basri, Mohd Zubairi Salleh dan Nik Nazhriq Nik Nazman.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seorang remaja berusia 15 tahun dan rakannya mendakwa menjadi mangsa rogol dalam kejadian 7.30 malam pada 20 Mei 2014.

Sebelum kejadian, mangsa berusia 15 tahun itu dikatakan menerima panggilan telefon daripada rakan perempuan yang mendakwa berada di Ketereh dan meminta mangsa membantu

membawanya pulang ke rumah.

Pelajar itu mendapatkan bantuan seorang rakan lelaki yang mempunyai motosikal untuk mengambilnya sebelum menjemput rakannya di Ketereh.

HMetro: Selasa, 20 Jun 2017 @ 2:00 PM

---

# DOA DI MEKAH MAKBUL, ISTERI TAK BERCOLI BERSAMA LELAKI DALAM RUMAH SENDIRI



KISAH BENAR, June 6, 2017

Isteri yang lemah lembut, bertudung labuh dan kuat pegangan

agama, siapa sangka rupa-rupanya bertuankan nafsu apabila sanggup menjalin hubungan sulit dengan suami orang.

Lagi tragis, apabila isterinya dicekup suami dalam keadaan hanya memakai baju tidur tanpa coli manakala pasangannya tidak berbaju, sekali gus membawa kepada runtuhnya rumah tangga yang dibina selama 10 tahun.

“Nyata doa saya ketika di Makkah supaya Allah SWT menunjukkan kebenaran di dalam rumah tangga saya termakbul. Saya bukan mahu memalukan bekas isteri, tapi ingin berkongsi pengalaman supaya menjadi iktibar kepada orang lain,” kata Azman, 30-an.

Ikuti pengakuan Azman sepenuhnya:

“Terus terang saya katakan, sepanjang hidup bersamanya, tidak sedikitpun saya meragui kesetiaannya. Saya yakin dia setia kepada saya memandangkan perkahwinan kami atas dasar suka sama suka.

Ketika bersusah payah membangunkan perniagaan, dia menjadi inspirasi dan semangat untuk saya. Tanpa dia, mungkin saya tidak mampu mengharungi pahit getir dalam dunia perniagaan.Lebih daripada itu, saya yakin, perawakannya yang lemah lembut, bertudung labuh dan latar belakangnya yang kuat pegangan agama tidak mungkin membuatkan dia sanggup melakukan perbuatan yang menyalahi hukum agama.

Dia melayan saya dengan sepenuh tanggungjawabnya sebagai isteri. Apa saja permintaan saya dia akan penuhi.Kami bertambah bahagia apabila dikurniakan seorang anak lelaki yang kini berusia sembilan tahun.Namun, ketika perniagaan saya berkembang dan kami sekeluarga mengecap kesenangan, ada rakan memberitahu pernah melihat isteri saya bersama lelaki lain dalam keadaan mencurigakan.

Ketika itu memang saya tidak percaya langsung dan akibatnya saya bertumbuk dengan rakan yang menyampaikan maklumat itu.Begitupun, cerita mengenai kecurangan isteri saya tidak

pernah tamat kerana ada saja rakan menyampaikannya kepada saya.Antara yang paling menyakitkan hati ialah ada yang memberitahu, isteri saya membuat pengakuan bahawa dia sudah berpisah dengan saya.

Dalam keadaan sedemikian, saya masih bersabar dan membuang perasaan curiga terhadap isteri. Saya tetap melayannya dengan baik dan pada masa sama dia juga begitu.Pada Ramadan tahun lalu, saya ke Makkah mengerjakan umrah dan di depan Kaabah saya berdoa supaya Allah SWT terus merapatkan hubungan saya dan isteri. Pada masa sama saya juga memohon kepada Allah supaya menunjukkan kebenaran jika ada kekurangan dalam rumah tangga saya.

Pulang dari Makkah, saya menghadiahkan isteri gelang kayu Kokka. Tidak lama selepas itu rakan memberitahu, lelaki yang dikatakan menjalin hubungan sulit dengan isteri saya ada memakai gelang sama.Apa disampaikan rakan saya memang benar kerana tanpa pengetahuan saya, isteri saya menghadiahkan gelang berkenaan kepada lelaki itu.

Saya memang sakit hati tetapi kerana perasaan sayang masih menebal, saya buat tak tahu saja.Bagaimanapun, pada satu malam doa saya dimakbulkan Allah apabila saya bagaikan diberi petunjuk mengenai kecurangan isteri.Entah bagaimana, ketika itu tidak semena-mena kereta yang biasa saya gunakan rosak secara tiba-tiba dan saya pulang ke rumah menggunakan kereta lain.

Tidak seperti kebiasaan, saya pulang awal sedikit. Ketika sampai di rumah, saya melihat kelibat seorang lelaki keluar dari pintu belakang dan menguncinya.Berderau darah saya ketika itu dan dengan menggunakan segala kudrat yang ada, saya mengejar dan berjaya menangkapnya.

Ternyata, dia adalah lelaki seperti digambarkan rakan saya. Dalam keadaan separuh bogel, saya mengheretnya ke dalam rumah dan ketika itu isteri saya dalam keadaan kusut, memakai baju

tidur tanpa coli. Saya periksa bilik dan mendapati katil ‘bersepah’.

Tanpa sedar, air mata saya mengalir dan benarlah apa yang diberitahu rakan selama ini. Sudah jelas, isteri saya curang. Jika bersama lelaki lain di dalam rumah dalam keadaan mencurigakan, apa lagi yang mereka lakukan jika tidak membuat maksiat?

Namun, seperti orang tidak bersalah, kedua-duanya berbuat muka selamba. Isteri memberi alasan lelaki itu datang ke rumah kerana mahu membetulkan paip.Apabila diperiksa, ternyata isteri saya berbohong apabila paip rumah saya tidak rosak dan lelaki itu tidak pula membawa peralatan membaiki paip.

Seperkara lagi, lelaki itu masuk ke rumah secara bersembunyi berikutan keretanya diletakkan jauh dari pekarangan rumah.Bengang dengan reaksi mereka, saya bawa mereka ke balai polis dan membuat laporan. Sedikitpun mereka tidak menunjukkan perasaan takut. Kesudahannya mereka dilepaskan selepas dijamin keluarga masing-masing.

Sejak itu, kami duduk berasingan hinggalah kami bercerai baru-baru ini. Saya mendapat hak penjagaan anakApabila difikirkan kembali, apa salah saya sehingga dia sanggup berbuat begitu. Hendak apa saja saya berikan. Malah satu ketika dia pernah berkata kepada anggota keluarga saya, dia tidak tahu hendak membeli apa lagi kerana semua benda boleh dimilikinya.

Keluarga saya memang kecewa, apatah lagi ibu saya. Dia adalah menantu kesayangannya, tetapi apa yang berlaku benar-benar mengejutkannya.Keluarga bekas isteri pula meletakkan kesalahan di atas bahu saya. Mereka menyifatkan saya terlalu cemburu.

Saya hairan, adakah perbuatan bekas isteri saya melakukan maksiat bersama lelaki lain dan saya sendiri yang menangkap mereka perlu dimaafkan?”Nauzubillah. Semoga perkara ini tidak berlaku kepada kita mahupun ahli keluarga kita sendiri dan kisah benar ini menjadi pengajaran buat semua.

Sumber: utaranews.com

---

# Kenal melalui wechat, 4 suspek rogol berkumpulan ditahan



KOTA KINABALU,16/06/2017 : Pihak polis berjaya menahan empat orang suspek yang terbabit dalam kes rogol berkumpulan yang berlaku di kawasan Kota Kinabalu.

Menurut Ketua Polis Daerah ACP M. Chandra, pada 9 Jun yang lalu, pengadu seorang perempuan tempatan berumur 18 tahun telah membuat satu laporan polis mengatakan bahawa telah di rogol oleh empat orang saspek.

“Salah seorang saspek adalah kenalan pengadu daripada applikasi “wechat” manakala tiga lagi suspek lain tidak dikenali oleh pengadu,”katanya dalam satu kenyataan kepada media, hari ini.

Menurut Chandra, gerakan mencari suspek telah dijalankan dan pada 14 Jun lalu, dan sepasukan polis dari BSJ IPD Kota Kinabalu telah berjaya menangkap kesemua keempat-empat suspek lelaki warga tempatan, berumur antara 18-34 tahun, dalam empat siri serbuan di tempat yang berbeza.

“Terima kasih atas maklumat yang diberikan orang awam sehingga keempat empat suspek ditangkap.”

“Turut dirampas adalah sebuah telefon bimbit jenama OPPO dan sebuah kereta jenis Proton Wira, bersama kunci kereta milik suspek,”katanya.

Tambah Chandra, siasatan awal mendapati keempat-empat suspek mengaku telah merogol mangsa pada 9 Jun lalu, jam lebih kurang 1.40 pagi, semasa dalam pengaruh alkohol.

Keempat-empat saspek telah direman bersabit kes rogol berkumpulan di daerah Kota Kinabalu yang disiasat di bawah Seksyen 375B Kanun Keseksaan.

Sayang Sabah – https://www.sayangsabah.com/kenal-melalui-wechat-4-suspek-rogol-berkumpulan-ditahan/

---

# Cikgu ditahan liwat pelajar 12 tahun lebih 50 kali sehingga 14 tahun




***SIBU – 15 Jun 2017: Tabiat seks songsang seorang guru hingga sanggup meliwat pelajarnya lebih 50 kali terbongkar selepas ditahan sepasukan pegawai dan anggota polis di Kapit, di sini, pagi semalam.***

*Difahamkan, penahanan guru terbabit susulan laporan dibuat seorang guru lain di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Mukah sejurus mangsa mengadu mengenai tabiat pelik suspek.*

*Sumber memberitahu BH, bertindak atas laporan polis dibuat*

*kelmarin, polis melancarkan usaha mengesan suspek sebelum berjaya mengesannya di Kapit, seterusnya menahan guru berusia lingkungan 40-an itu untuk membantu siasatan.*

*“Berdasarkan maklumat yang diterima, remaja berusia 14 tahun itu mengalami peristiwa hitam itu sejak berusia 12 tahun dan belajar di Tahun 6 di salah sebuah sekolah rendah di Kapit.*

*“Mangsa mendakwa diliwat lebih 20 kali di kuarters guru dan sebuah hotel murah di bandar berkenaan. Difahamkan, insiden berkenaan berlaku antara Ogos hingga Disember 2015,” katanya.*

*Sumber berkata, tertekan dan mengalami trauma susulan kejadian itu, mangsa bertukar ke sekolah lain di Mukah, namun terus menjadi sasaran pelampias nafsu songsang guru terbabit.*

*Katanya, kali ini mangsa diliwat di sebuah rumah di Kemunyang, di sini, selain hotel bajet.*

*“Mangsa mendakwa diliwat lebih 30 kali sepanjang tahun lalu. Sepanjang 2017, suspek terus mengulangi perbuatan terkutuknya antara Februari hingga Mei lalu di Mukah.*

*“Tertekan dengan keadaan itu, mangsa menceritakan detik hitam berkenaan kepada guru di sekolah baharunya yang kemudian membuat laporan polis hingga membawa kepada penahanan suspek,” katanya.*

*Katanya, suspek ketika kini ditahan di lokap Balai Polis Kapit dan akan dibawa ke dibawa ke Mukah untuk mendapatkan perintah reman.*

*Kes disiasat mengikut Seksyen 377 C atas kesalahan melakukan seks di luar tabii.*

*Sementara itu, Ketua Polis Daerah Mukah, Deputi Superintendan Jimmy Panyau ketika mengesahkan penahanan berkenaan memaklumkan siasatan lanjut sedang dijalankan. – BHarian*

ULASAN : Ini satu kes "harapkan pegar, pegar makan padi" yang amat sadis sekali. Di sini perlunya satu cabang pendidikan seksual yang perlu diajarkan kepada anak-anak. Bukan mengajar bagaimana ia harus dilakukan, tetapi mengajar batas-batas penjagaan hak peribadi pada tubuh mereka dari dicerobohi. Sedih sekali dengan trauma yang dialami oleh anak-anak ini.

---

# Gambar artis separuh bogel tersebar



Khamis, 11 Jun 2015 @ 1:24 PM Gambar artis separuh bogel tersebar

KUALA LUMPUR : Kecoh seketika apabila tersebarnya gambar separuh bogel aktres popular di laman sosial malam tadi.

Gambar yang hanya berseluar dalam itu jelas menampakkan wajah pelakon wanita terbabit menyebabkan akaun Instagram miliknya diserbu peminat yang mahukan kesahihan berhubung perkara itu.

Pelakon berusia 20-an itu bagaimanapun mengambil pendekatan berdiam diri sehingga kini dan tida menjawab sebarang pertanyaan. Gambar itu didakwa disebarkan oleh rakan pelakon itu sendiri yang dikatakan mahu menganiaya beliau.

Terdahulu, pelakon wanita itu sering terpalit dengan pelbagai kontroversi, rentetan kisah cintanya yang mendapat perhatian semua pihak. Susuk tubuhnya yang semakin susut juga menimbulkan tanda tanya dan beliau turut mengejutkan ramai

kerana tampil berpakaian seksi ketika menghadiri sebuah majlis, baru-baru ini.
Selanjutnya di : http://www.bharian.com.my/node/60638

---

# CIKGU DIPENJARA 34 TAHUN, 2 KALI ROGOL PELAJAR TINGKATAN 3




*(TERTUDUH (kiri) dijatuhi hukuman 34 tahun penjara dan 8 sebatan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu)*

***KOTA BHARU, May 29, 2017 – Guru lelaki dipenjara 34 tahun***

***dan lapan sebatan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, hari ini selepas didapati bersalah terhadap dua tuduhan merogol pelajar tingkatan tiga, dua tahun lalu.***

*Hakim Nazri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh Nurhasliman Ghazali, 36, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.*

*Mahkamah memerintahkan hukuman berjalan hari ini.*

*Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia 15 tahun di rumah di Machang pada 7.30 malam, 23 April 2015.*

*Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa merogol mangsa di lokasi sama pada 1 pagi, 25 April 2015.*

*Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan. – Metro*

*ULASAN : Inilah fenomena "harapkan pegar, pegar makan padi". Nafsu gila lelaki hari ini tidak lagi mengenal mangsa. Ayah dan abang sendiri pun berlambak-lambak. Inikan pula guru…. Adalah amat malang dan sangat 'pelik' juga bagaimana seorang pelajar perempuan umur 15 tahun boleh 'berada' di rumah bersama guru lelaki itu sebanyak 2 kali. Adakah unsur paksaan atau memang beliau sendiri memang ada hati?*

# GADIS OKU DIROGOL POK SU SAMPAI MENGANDUNG




*(Tertuduh (tengah) dikawal ketat polis keluar dari mahkamah selepas dihukum)*

***KOTA BHARU May 29, 2017 – Perbuatan kejam seorang lelaki dikenali sebagai Pok Su yang merogol seorang wanita orang kurang upaya OKU lembam dibalas dengan hukuman penjara 14 tahun dan enam sebatan di mahkamah sesyen, di sini, tadi.***

*Hakim, Nazri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Faizal Adlan Husin, 25, selepas tertuduh mengaku salah atas tuduhan yang dikemukakan.*

*Tertuduh didakwa merogol mangsa yang berusia 23 tahun di sebuah bengkel motosikal di Kampung Permatang Pasir Gunung, Bachok, pada jam 8.30 malam, dalam Julai 2016.*

*Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya negeri, Norazlinawati Mohd Arshad, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.*

*Dalam kejadian lalu, mangsa yang baru pulang dari mengaji di rumah saudaranya di kampung sama berjalan kaki untuk pulang ke rumah.*

*Tiba di hadapan sebuah kedai, lelaki yang dikenalinya sebagai Pok Su iaitu tertuduh menariknya dengan kuat dan menutup mulut dengan kain tudung mangsa.*

*Tertuduh kemudian mengangkat mangsa dan membawanya ke sebuah bilik serta merogolnya.*

*Tertuduh juga memberi amaran kepada mangsa supaya tidak menceritakan kejadian itu kepada sesiapa pun, bagaimanapun mangsa mengalami sakit perut dan dibawa ke hospital sebelum disahkan mengandung 18 minggu. – [Sinar]*

**ULASAN: Sudah TERLALU BANYAK kes kehamilan gadis OKU hasil ‘kerja’ jantan-jantan yang bersifat binatang ini. Kebanyakannya dibuat dengan rela bahkan ada yang berlanjutan menjadi gejala ketagihan seks. Gadis malang ini sanggup menyerahkan kepada sesiapa sahaja lelaki yang ‘berhajat’ menidurinya secara bergilir-gilir. Tidak kerana wang, tidak juga kerana cinta, namun hanya kerana naluri biologi semata-mata. Tiada yang mahu tampil untuk membantu mangsa dan pemangsa mengawal nafsu yang tidak lagi ada batas sosial dan agama.**

**Wajarkah gadis OKU 23 tahun ini keluar sendirian jam 8.30 malam untuk belajar mengaji? Di manakah penjaganya?**

---

# Warden asrama rogol kanak-kanak perempuan 11 tahun




*(Tertuduh dipenjara 17 tahun dan dua sebatan selepas didapati bersalah merogol kanak-kanak perempuan}*

***KOTA BHARU, May 17, 2017 – Warden asrama sekolah swasta dipenjara 17 tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen Kota Bharu, hari ini, selepas didapati bersalah merogol kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun, dua tahun lalu.***

*Hakim Nazri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Abdul Hafiz Abdul Syukri, 24, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.*

*Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia 11 tahun 11 bulan di sebuah rumah di Kedai Melor, Melor pada 6.15 pagi, 14 Februari 2015.*

*Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (2)(e) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman maksimum 30 tahun dan boleh dikenakan sebat.*

*Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Alias manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Firdaus Yusoff. – [Metro]*

---

# GURU AGAMA ditahan cabul murid sejak 3 tahun lepas



***BANGI, May 12, 2017 : Seorang guru lelaki sebuah sekolah agama di sini yang didakwa melakukan perbuatan jelik terhadap anak muridnya sejak tiga tahun lalu, ditahan polis kelmarin.***

*Guru berusia 29 tahun itu ditahan di sekolah terbabit, susulan laporan dibuat bapa mangsa terbaru berusia 12 tahun pada Rabu lalu, sebaik mengetahui kejadian menimpa anaknya pada 19 April lalu.*

*Sumber berkata, tindakan keluarga berkenaan mendorong enam mangsa lain melaporkan perbuatan guru terbabit menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu.*

*Berdasarkan laporan, mangsa mendakwa suspek memegang dan*

*meraba bahagian sulit mereka dalam kejadian berasingan.*

*Ada mangsa mendakwa dipeluk dan dicium serta diarah mengurut beberapa bahagian badan suspek.*

*Difahamkan, ada yang menjadi mangsa pelakuan jijik itu lebih 10 kali sejak Februari 2014.*

*"Selama ini, semua mangsa takut menceritakan apa yang berlaku kerana malu serta bimbang diapa-apakan suspek," kata sumber berkenaan.*

*Suspek direman hingga Isnin ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul kehormatan dan Seksyen 377D kerana melanggar kesopanan. – BHarian*

---

# Remaja 16 tahun mati dipukul abang teman wanita 'WeChat'nya


vivo

# ‘Saya tak percaya anak saya bercinta dengan adik suspek’ suspek

Tawau: “Saya tidak percaya anak saya bercinta dengan adik suspek,” kata bapa pelajar tingkatan empat yang maut selepas dipercayai dipukul di sebuah padang di Taman Gembira berdekatan Kampung Sentosa, di sini, Ahad lalu.

Lambang Sundang, 59, berkata, anaknya, Mohd Ayieruchizamsyah, 16, adalah seorang yang mudah berkawan dan cepat mesra dengan sesiapa sahaja.

“Saya tidak percaya mereka menjalin hubungan cinta pada usia yang muda begini, lagipun mereka masih bersekolah.

“Kalau ada pihak yang cakap mereka pasangan kekasih itu tidak betul,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pisang, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian Ahad lalu, mangsa dipercayai ditumbuk di pipi dan dipukul di tengkuk menggunakan sebatang kayu oleh suspek di Taman Gembira.

Mangsa kemudian melarikan diri dan pulang ke rumahnya di Kampung Pisang serta memaklumkan kepada ibunya bahawa dia dipukul oleh seorang yang tidak dikenali sebelum masuk ke dalam bilik pada jam 8 malam.

Namun, dia didapati sudah meninggal dunia pada jam 7.30 pagi, kelmarin, ketika ibunya cuba mengejutkannya daripada tidur.

Dalam pada itu, ibu mangsa, Haryani Lahabe, 49, berkata, biarpun keluarganya reda dengan pemergian mangsa, mereka

berharap suspek dikenakan hukuman setimpal atas perbuatannya.

Katanya, ia bagi memberi pengajaran kepada masyarakat supaya tidak bertindak mengikut nafsu dan membelakangkan undang-undang dengan mengambil tindakan sedemikian.

“Saya berharap dia menerima hukuman setimpal akibat perbuatannya yang menyebabkan kematian anak saya.

“Sepatutnya jika ada perselisihan faham, selesaikanlah dengan perbincangan atau datang berjumpa kami. Janganlah buat tindakan sesuka hati,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tawau Asisten Komisioner Fadil Marsus berkata, suspek berusia 18 tahun kini ditahan reman selama tujuh hari mulai semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Beliau berkata, suspek sebelum itu ditahan polis pada jam 10.45 pagi, kelmarin.

“Hasil siasatan awal mendapati mangsa baru dua minggu berkawan dengan adik perempuan suspek yang berusia 15 tahun.

“Mangsa berkenalan menerusi WeChat dan sudah dua kali bertemu termasuk pada hari kejadian manakala keluarga mereka saling tidak mengenali.

“Dalam kejadian terbabit, itu adalah kali pertama suspek menegur mangsa,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Fadil, suspek dan adiknya juga didapati tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

Hmetro : Rabu, 26 April 2017 @ 7:08 AM

---

# Pelajar tingkatan 5 rogol pelajar tingkatan 1 sekolah yang sama berulang kali




***Kuala Lumpur, Mar 10, 2017 : Seorang pelajar lelaki tingkatan lima dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ampang di sini hari ini, bagi menghadapi empat pertuduhan termasuk merogol dan mencabul pelajar perempuan tingkatan satu yang sama sekolah dengannya.***

*Dua lagi pertuduhan ialah melakukan hubungan seks dengan objek dan melakukan persetubuhan luar tabii terhadap mangsa yang berumur 13 tahun enam bulan itu tanpa kerelaannya.*

*Tertuduh yang berusia 17 tahun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Haslinda A Raof.*

*Bagi pertuduhan pertama remaja itu didakwa melakukan kekerasan jenayah iaitu melakukan hubungan seks dengan objek terhadap mangsa di tangga tingkat 2, sebuah bangunan rumah kedai di Taman Kosas di sini, pada 11.50 pagi, 14 Februari lalu,*

*Dia juga didakwa melakukan persetubuhan luar tabii terhadap mangsa di tempat, masa dan tarikh sama. Pertuduhan ketiga, merogol mangsa di tempat sama pada 12.30 tengah hari pada 15 Februari lalu.*

*Tiga pertuduhan itu masing-masing mengikut Seksyen 377CA, Seksyen 377B dan Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.*

*Bagi pertuduhan keempat, pelajar itu didakwa menggunakan kekerasan jenayah dengan niat mencabul kehormatan mangsa di tempat sama pada 11.10 pagi, 13 Februari lalu.*

*Bagi pertuduhan itu dia didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau dengan denda, atau dengan sebat atau antara dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.*

*Timbalan Pendakwa Raya Raihanah Abdul Razak tidak menawarkan sebarang jaminan namun tertuduh yang diwakili peguam Akmal Jusoh memohon mahkamah membenarkan jaminan dengan alasan*

*tertuduh perlu meneruskan pembelajaran selain akan menjalani peperiksaan minggu hadapan dan akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.*

*Haslinda membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan dan menetapkan syarat tambahan tertuduh dilarang mengganggu saksi pihak pendakwaan.*

*Mahkamah menetapkan 17 April untuk sebutan semula kes. – [Metro]*